

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN B. HASSAN
(KOTA BHARU)**

SOALAN

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci laporan statistik hasil pelaksanaan Ops Selamat 15/2019 dan apakah tahap keberkesanan operasi tersebut berbanding siri-siri sebelumnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Kes kemalangan pada Op Selamat kali ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak 2,050 kes iaitu 24,461 kes bagi Op Selamat 15/2019 manakala 22,411 kes bagi Op Selamat 13/2018. Kemalangan maut pula telah dapat dikurangkan sebanyak tiga (3) kes di mana sebanyak 232 kes pada Op Selamat 15/2019 berbanding Op Selamat 13/2018 iaitu sebanyak 235 kes. Jumlah kematian pula telah meningkat kepada (1) orang iaitu seramai 249 kematian dalam Op Selamat 15/2019 berbanding 248 kematian dalam Op Selamat 13/2018.

Anggaran limpahan kenderaan di atas jalan semasa Op Selamat 15/2019 adalah sebanyak 2.2 juta. Dengan jumlah kenderaan tersebut, didapati bahawa purata kemalangan maut bagi setiap hari sepanjang Op Selamat 15/2019 adalah sebanyak 15.5 kes berbanding Op Selamat 13/2018 dengan 15.7 kes. Penurunan kadar kemalangan maut di antara kedua-dua Op Selamat tersebut adalah sebanyak 0.2 kes.

Walaupun purata kemalangan maut berkurang 0.2 kes, ia merupakan satu jumlah yang kecil. Namun demikian, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa melaksanakan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang bagi membendung kadar kemalangan maut dan jenis kemalangan-kemalangan lain daripada bertambah dari semasa ke semasa.

Namun begitu, tanggungjawab ini tidak boleh diserahkan secara mutlak kepada pihak PDRM. Ia juga berpunca daripada sikap pemandu itu sendiri. Sebagai contoh, memandu secara melulu, memotong di kawasan larangan, memandu dalam keadaan mengantuk, memandu dengan pengaruh alkohol dan dadah, memandu melebihi had laju dan lain-lain.